

DATE: 30/10/2009

PERSIDANGAN DAN PAMERAN PENDEDAHAN JENYAH PERANG ANTARABANGSA

BH - 30/10/09

# 'Kami tak tidur, tak tahu waktu'

## Tahanan Guantanamo lihat askar Amerika pijak al-Quran

Oleh Norliza Wasilan  
dan S Anand Kumar  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Di Pusat Tahanan Guantanamo, kami didera secara kejam oleh tentera Amerika dan dilayan seperti binatang. Kami diberi makanan segera yang tamat tempoh, tidak dibenarkan tidur malah lampu dipasang selama 24 jam.

"Al-Quran bukan saja dikoyak malah ada anggota tentera Amerika sanggup membuang kitab suci itu ke tanah dan memijaknya selain membuangnya ke dalam mangkuk tandas.


"Apa yang menyedihkan kami ialah tahanan Islam tidak dibenarkan bersembahyang dan tidak boleh berhubung dengan keluarga.

"Kami juga langsung tidak tahu bila waktu untuk berpuasa, bersembahyang atau



**"Al-Quran bukan saja dikoyak malah ada anggota tentera Amerika sanggup membuang kitab suci itu ke tanah dan memijaknya selain membuangnya ke dalam mangkuk tandas"**

**Sami Al Hajj**  
Bekas tahanan Guantanamo



DR MAHATHIR bergambar bersama barisan panel Persidangan dan Pameran Pendedahan Jenayah Perang Antarabangsa di PWTC, semalam.

waktu sambutan apa-apa perayaan termasuk Hari Raya," kata Sami Al Hajj, 40, satu-satunya wartawan yang ditahan di Teluk Guantanamo.

Warga Sudan itu yang ditahan selama tujuh tahun berkata, tentera Amerika bertindak sedemikian sebagai satu teknik psikologi untuk mendera umat Islam yang ditahan di pusat tahanan berkenaan.

Sami berkata demikian ketika ditemui pada Persidangan dan Pameran Pendedahan Jenayah Perang Antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Menceritakan pengalamannya, Sami berkata, pada

11 Oktober 2001, beliau dihantar bertugas ke Afghanistan untuk membuat liputan perang di negara berkenaan.

"Ketika itu saya bertugas dengan agensi berita, Al-Jazeera. Ketika membuat liputan di Afghanistan, saya dapat menyaksikan bagaimana pesawat Amerika menggururkan bom di negara berkenaan.

"Kanak-kanak dan wanita menjadi mangsa. Masjid dan bangunan musnah dalam kejadian itu. Kami menghantar segala gambar kemusnahan dan melaporkan keadaan yang berlaku di Afghanistan kepada Al-Jazeera.

"Bagaimanapun, selepas kerajaan baru dibentuk di

Afghanistan, kami dipaksa untuk meninggalkan negara itu. Apabila kami mahu membuat liputan, kami ditahan," katanya.

Sami yang ditahan pada 15 Disember 2001 kemudian diserahkan kepada tentera Amerika.

"Saya didakwa menemuramah Osama bin Laden dan tentera AS terus mendesak saya untuk memberi butiran lanjut mengenai Osama.

"Walaupun saya memaklumkan bukan saya yang berbuat demikian sebaliknya rakan saya di Kabul, mereka enggan percaya," katanya yang dibebaskan Mei tahun lalu.